

## BIDANG KEPAKARAN

1. Kimia Atmosfera  
*(Atmospheric Chemistry)*
2. Penilaian dan Pengurusan Udara Dalaman  
*(Indoor Air Assessment and Management)*

Ts. DR. MURNIRA OTHMAN



## PROFIL

Dr. Murnira Othman adalah Felo Penyelidik/Pensyarah Universiti di Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia. Dr. Murnira juga adalah Teknologis Profesional untuk bidang Sains Atmosfera dan Teknologi Alam Sekitar di bawah Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT). Beliau mempunyai pengalaman di dalam bidang penyelidikan selama enam (6) tahun selepas menamatkan pengajian doktor falsafah pada tahun 2016. Dr. Murnira mempunyai kepakaran di dalam bidang pencemaran udara dalaman, penilaian kitar hayat dan penentuan komposisi atmosfera. Dr. Murnira juga aktif di dalam penyelidikan untuk geran dalaman universiti, geran kebangsaan dan geran antarabangsa untuk kajian berkaitan penilaian bahan organik mudah meruap (VOC), penentuan pencemaran udara dalaman di kawasan perumahan dan sekolah serta kajian berkaitan impak pandemik COVID-19 kepada tahap pencemaran udara. Beliau juga aktif dalam kerja-kerja penyelidikan seperti penyelidikan penentuan zarah terampai di udara melalui aplikasi penggunaan sensor kualiti udara. Juga berminat dalam mengkaji kesan pencemaran udara terhadap kesihatan manusia. Dr. Murnira telah menghasilkan beberapa penerbitan di dalam jurnal antarabangsa seperti Journal of Cleaner Production, Atmospheric Environment, Chemosphere dan Ecotoxicology and Environmental Safety.